

02/10/2001

Keganasan: Pendirian Brunei, Malaysia sama

Wan Ensuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA, Isnin - Brunei mempunyai pendirian yang sama dengan Malaysia mengenai pembanterasannya keganasan, iaitu ditangani secara menyeluruh dan bukan melalui peperangan atau menghukum rakyat dan orang awam yang tidak bersalah.

Pendirian itu disampaikan Sultan Brunei Darussalam, Sultan Hassanah Bolkiah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam satu pertemuan di Jabatan Perdana Menteri di sini, petang ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Sultan Hassanah menyatakan Brunei menyokong segala tindakan untuk menentang keganasan tetapi tidak termasuk menyerang mana-mana negara.

"Sultan Hassanah memberitahu kepada Perdana Menteri bahawa pendiriannya adalah sama dengan kita iaitu menyokong segala tindakan untuk menentang keganasan tetapi bukan peperangan kerana itu akan hanya membawa kesengsaraan dan penderitaan rakyat," katanya.

Syed Hamid bagaimanapun menegaskan, ia tidak bermakna Malaysia dan Brunei menyokong kerajaan Taliban.

"Kita tidak menyokong mana-mana kumpulan yang mempunyai pendekatan keganasan untuk mencapai matlamat. Kita juga tidak menyokong keganasan yang dianjurkan oleh negara sebagaimana Israel menggunakan tenteranya untuk membunuh pemimpin politik," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua negara mengakui bahawa usaha membanteras keganasan memerlukan kerjasama semua pihak yang terlibat tetapi kezaliman serta ketidakadilan perlu diatasi supaya tidak menimbulkan masalah berasingan.

Pada pertemuan itu, Syed Hamid berkata, Malaysia turut bersetuju dengan permintaan Brunei untuk menubuhkan pejabat konsulatnya di Miri, Kuching dan Kota Kinabalu.

Terdahulu, Syed Hamid yang menerima kunjungan hormat 12 Ahli Parlimen Thailand, berkata perbincangan itu tertumpu kepada usaha untuk memperkukuhkan hubungan dua hala, selain membincangkan isu sempadan, dadah dan pelacuran yang membabitkan kedua-dua negara.

Delegasi itu dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini. Mereka diketuai Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Senat Thailand, Kraisaak Choonhavan.

Sebelum itu, delegasi berkenaan turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Michael Chen Wing Sum di bangunan Parlimen.

Choonhavan ketika ditemui selepas mengadakan pertemuan dengan Cheng, berkata pihaknya berharap kunjungan ini akan memberi sesuatu yang positif dalam usaha Malaysia dan Thailand menangani pelbagai masalah bersama.

Beliau berkata, kebijaksanaan Malaysia menangani isu parti pembangkang terutama di Kelantan dan Terengganu turut menarik perhatian Thailand untuk mempelajarinya.

(END)